From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 28 June, 2022 12:24:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MANFAATKAN KEPAKARAN BANTU MASYARAKAT

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 JUN 2022 / 28 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MANFAATKAN KEPAKARAN BANTU MASYARAKAT



UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah yakin pelbagai kepakaran yang dimiliki lebih 70 profesor dalam bidang masing-masing di universiti ini dapat menjadi tonggak kekuatan kepada universiti dan negara.

Hal ini kerana, ketajaman fikiran dan kekuatan yang dimiliki semua profesor di universiti ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membantu masyarakat di samping memikirkan nasib anak bangsa.

“Ramai orang susah di seluruh negara yang perlu dibantu dan kerana kita mahu merakyatkan universiti agar dekat di hati masyarakat, Majlis Profesor UUM (MPUUM) yang terdiri daripada pakar dalam apa jua bidang perlu membantu, merancang dengan lebih baik dan menyentuh jiwa,” ucapnya di hadapan ahli MPUUM yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Profesor UUM 2022 & Majlis Persaraan, semalam.

Ujarnya, setiap profesor diamanahkan untuk sesuatu yang lebih besar jadi beliau meminta pakar-pakar di universiti ini perlu turun kepada masyarakat untuk mendidik anak bangsa misalnya membuat projek komuniti di kampung yang terletak di kawasan pedalaman.

“Duduk bersama mereka kerana sentuhan kita akan dapat menyentuh jiwa, mengubah kepercayaan seseorang untuk berjaya, melahirkan pejuang, pemimpin hebat, dan berani mempertahankan hak,” tambahnya lagi.

Beliau turut melahirkan iltizam untuk sentiasa bersama-sama MPUUM dan menyokong sebarang usaha yang disusun bagi mengangkat agenda negara.

Dalam ucapannya itu juga, Haim Hilman berharap agar semua profesor berusaha membantu universiti dalam meningkatkan hasil penyelidikan, penerbitan, dan komuniti.

Sementara itu, Pengerusi MPUUM, Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan mengajak semua ahli agar berganding bahu menyumbang sesuatu dan berkongsi idea dengan masyarakat demi kesejahteraan bersama.

“Kebersamaan semua ahli MPUUM amatlah penting untuk terus mengorak langkah bersama menyumbang kepada masyarakat serta melakukan sesuatu yang memberi manfaat,” ujarnya.

Sejurus selesai mesyuarat, MPUUM turut meraikan lapan profesor yang bersara pada 2022 antaranya Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari, Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya, Prof. Dr. Sallahuddin Hassan, Prof. Dr. Maznah Mat Kasim, Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah, Prof. Dr. Asmah Laili Yeon dan Prof. Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.